

PM ma hu butir cukai, kastam

LANGKAWI: Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~, meminta kerajaan Kedah menyediakan laporan lengkap mengenai cukai kastam dikatakan terlalu tinggi yang dikenakan ke atas pelancong di Langkawi.

Beliau berkata, masalah itu perlu diselesaikan segera kerana ia boleh menjejaskan industri pelancongan di pulau itu.

Menurutnya, mengikut peraturan biasa kastam, hanya pelancong yang tinggal lebih 72 jam di pulau itu berhak mendapat pengecualian cukai bagi barangan bernilai tidak lebih \$500.

"Bagaimanapun, masalah ini timbul apabila ada pelancong membeli barangan melebihi had, se-

olah-olah mereka tinggal di sini lebih dari waktu yang ditetapkan.

"Contohnya, ada yang beli rokok hingga \$500 dan ini bukan lagi untuk kegunaan sendiri, tetapi untuk berniaga," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini, semalam, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

▲ Terdahulu, Perdana Menteri diiringi Pengurus Lapangan Terbang, Ku Azizan Ku Hashim, melawat sekitar lapangan terbang itu 10 minit.

Beliau juga berkata, kastam terpaksa mengadakan kawalan ketat terhadap cukai di setiap pintu masuk Langkawi bagi mengelak dituduh mengamalkan rasuah.

BM 19 JAN 1992